

## HUBUNGAN BUDAYA OPTIMIS AKADEMIK GURU BESAR DENGAN KUALITI GURU SEKOLAH RENDAH DI DAERAH KUALA LANGAT

*Siti Afifah Binti Yusoff*

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia,  
P89584@siswa.ukm.edu.my

*Mohamed Yusoff Mohd Nor*

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia  
yusoff1963@ukm.edu.my

### ABSTRAK

Budaya optimis akademik merupakan satu elemen yang dinamik dalam budaya sekolah abad ke-21 selaras dengan perkembangan pendidikan masa kini. Sehubungan dengan itu, tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti hubungan budaya optimis akademik guru besar dengan kualiti guru sekolah rendah di daerah Kuala Langat. Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif jenis tinjauan. Data ini diperolehi dengan mengedarkan instrumen soal selidik kepada 50 orang responden daripada pelbagai bidang pengkhususan yang dipilih secara rawak dari 12 buah sekolah rendah di daerah Kuala Langat. Data yang diperolehi juga telah dianalisis dengan menggunakan kaedah deskriptif bagi menerangkan dapatan skor min dan sisihan piawai untuk menerangkan setiap dimensi yang dikaji dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 22. Hasil kajian menunjukkan bahawa para guru besar sememangnya mengamalkan amalan budaya optimis akademik di sekolah masing-masing dan berada pada tahap sederhana. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa terdapat hubungan antara amalan budaya optimis akademik guru besar dengan kualiti guru sekolah rendah di daerah Kuala Langat. Ini menunjukkan bahawa peranan dan tanggungjawab guru sangat penting serta memberi kesan terhadap amalan profesional dalam diri setiap ahli akademik.

**Kata kunci:** Pengaruh, Budaya Optimis Akademik, Kualiti Guru

### ABSTRACT

*Academic optimism culture is a dynamic element in the 21st century school culture in line with current educational developments. In this regard, the purpose of this study is to identify the relationship between the academic optimism of the headmaster and the quality of primary school teachers in the district of Kuala Langat. This study is a quantitative survey. Data was obtained by distributing questionnaire to 50 respondents from various areas of expertise randomly selected from 12 primary schools in the district of Kuala Langat. The data obtained were analyzed using descriptive method to explain the mean score and the standard deviation in describing each dimension studied using Statistical Packages for Social Science (SPSS) version 22. The findings show that the headmasters practise academic optimism in their respective schools at moderate levels. Therefore, it can be concluded that there is a relationship between academic optimism culture of the headmasters and the quality of primary school teachers in the district of Kuala Langat. This shows that each teacher's roles and responsibilities are very important and have a profound effect on their professional practices.*

**Keywords:** Influence, Culture of Academic Optimism, Teacher Quality

## PENGENALAN

Pendidikan memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan kualiti sumber manusia supaya mempunyai daya saing yang tinggi dan mampu menghadapi cabaran di peringkat global. Matlamat pendidikan negara diterjemahkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2012-2025. Berdasarkan matlamat penting ini, pentadbir sekolah dan guru merupakan golongan yang terlibat secara langsung untuk melaksanakan daya usaha dan pendekatan pengajaran untuk meningkatkan kualiti pendidikan dan memastikan hasil-hasil pembelajaran yang maksimum diperoleh pelajar di sekolah. Oleh itu, sebagai ahli akademik, mereka perlu lebih kreatif dan inovatif yang berperanan dalam memastikan sistem penyampaian menjadi lebih efektif, menarik, menyeronokkan dan dapat merangsang minat pelajar untuk belajar. Seiring dengan pendidikan bertaraf global, Malaysia tidak terkecuali dalam melaksanakan pentaksiran antarabangsa seperti Programme for International Student Assessment (PISA) dan Trends in International Mathematic and Science Study (TIMSS) yang memberi fokus untuk meningkatkan kepakaran guru dengan melibatkan pendidikan guru dan latihan dalam perkhidmatan. PISA dan TIMSS menjadi kayu ukur kepada pendidikan Malaysia.

Budaya akademik adalah satu budaya yang universal. Ianya dimiliki oleh sesiapa sahaja yang melibatkan dirinya dalam aktiviti akademik. Budaya akademik dapat difahami sebagai kegiatan akademik yang diamalkan oleh warga akademik, di semua peringkat pendidikan. Pemilikan budaya akademik ini harus menjadi keutamaan bagi semua pelajar akademik, iaitu pentadbir sekolah dan pelajar. Ciri-ciri masyarakat akademik pula ialah kritis, objektif, analitis, kreatif dan konstruktif, terbuka untuk menerima kritik, menghargai waktu dan prestasi ilmiah, bebas dari prasangka, memiliki dan menjunjungi tinggi norma dan susila akademik serta tradisi ilmiah, dinamik, dan berorientasikan masa depan. Kegiatan akademik tidak hanya terbatas kepada kelas sahaja bahkan juga melibatkan kegiatan yang bestruktur dan yang dilakukan secara kendiri.

Optimis adalah bagaimana seseorang bersikap positif terhadap suatu keadaan. Menurut Seligman (2011), pendidikan yang positif telah diterjemahkan dalam pendidikan abad ke-21. Maksud optimis adalah merujuk kepada kebolehan seseorang menjelaskan mengenai sebab terjadinya suatu keadaan baik atau keadaan buruk. Seligman juga mengatakan bahawa optimis memainkan peranan terhadap kejayaan di dalam pekerjaan, sekolah, kesihatan, dan aktiiti sosial. Dalam kajiannya, Seligman membuktikan bahawa sikap optimis bermanfaat untuk memotivasi seseorang dalam kehidupan. Dalam penelitiannya selama dua puluh tahun, yang meliputi lebih dari seribu korelasi antara optimisme dan prestasi akademik murid yang melibatkan lebih dari lima ratus ribu orang dewasa dan anak-anak, menunjukkan bahawa individu yang pesimis memiliki prestasi yang rendah atau kurang di sekolah atau bidang pekerjaan jika dibandingkan dengan orang yang optimis. Dalam penelitian tersebut juga menunjukkan bahawa pengalaman dalam menghadapi suatu kegagalan yang tidak dapat dikawal, misalnya ketika seseorang gagal menyelesaikan tugas, dapat mempengaruhi tugas-tugas berikutnya dan dapat menyebabkan gangguan fikiran dan emosi. Individu yang optimis memiliki cara berfikir yang berbeza dengan individu yang pesimis. Individu optimis berfikiran keadaan buruk atau kegagalan yang dialaminya tidak terjadi secara menetap, tidak menyeluruh, kerana faktor penyebabnya adalah lingkungan luar dirinya. Dengan cara berfikir yang demikian, maka individu yang optimis memiliki usaha agar kegagalan yang terjadi dapat diubah, ia akan mendorong dirinya untuk memperbaiki kegagalan yang berpunca dari luar kawalan dirinya tidak berulang lagi.

Menurut Mehmet Gurol & Seda Kerimgil (2010), pencapaian akademik sekolah bergantung kepada tiga dimensi optimis akademik iaitu keberkesanan kolektif, penekanan akademik dan kepercayaan. Optimisme akademik ini merujuk kepada penekanan akademik, keberkesanan guru kolektif dan kepercayaan ibu bapa kepada sekolah. Penekanan akademik dijelaskan sebagai adanya fokus yang jelas tentang prestasi akademik dan mengembangkan budaya yang berfokus pada prestasi. Keberkesanan kolektif merupakan kepercayaan dan keyakinan dari guru bahawa mereka mampu mendorong murid

untuk melonjakkan pencapaian diri. Manakala kepercayaan ibu bapa kepada sekolah adalah keyakinan ibubapa terhadap sekolah yang mampu untuk mendukung peningkatan proses pembelajaran. Keadaan ini membuktikan bahawa ketiga-tiga dimensi ini dapat mendorong prestasi akademik murid. Penelitian ini menjelaskan faktor yang mempengaruhi prestasi akademik tidak hanya dari segi peranan pelajar sahaja namun turut dipengaruhi oleh faktor lain.

Secara rumusannya, pengfokusan pada akademik akan memupuk murid untuk menyedari kepentingan penguasaan dalam pembelajaran dan seterusnya akan mendorong murid untuk berusaha dengan lebih gigih. Namun, peranan sekolah terutamanya guru besar, guru serta peranan ibubapa turut memberi kesan kepada penghasilan murid. Hal ini disokong oleh Hoy, Tarter & Hot (2006) iaitu kepercayaan dan iklim akademik akan mewujudkan kerjasama yang kuat yang dapat memotivasi, menciptakan perasaan optimisme, dan perilaku yang mampu mencapai prestasi akademik yang tinggi. Oleh itu, pemupukan budaya optimis akademik dalam kalangan guru besar serta guru menjadi penyumbang kepada peningkatan prestasi murid untuk mencapai visi dan misi sekolah.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Kejayaan PPPM 2012-2025 bergantung kepada kualiti Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) itu sendiri (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016). Menurut Pelan Pendidikan Pembangunan Malaysia 2013-2025 menunjukkan hanya 50 peratus guru menyampaikan pengajaran dengan berkesan di sekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia (2012). Menurut Jemaah Nazir Sekolah (2001) menyatakan bahawa terdapat kebimbangan awam terhadap kualiti guru dalam pengajaran dan seterusnya akan memberi impak kepada peranan guru dalam mencapai matlamat pendidikan negara. Menurut Chang & Park (2014), kualiti guru berkait rapat dengan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti. Kenyataan ini disokong oleh Mclyntryle (2014) di mana kualiti guru perlu diberi perhatian utama dalam meningkatkan kualiti pendidikan negara.

Sementara itu, budaya sekolah yang dinamik mampu membina persekitaran pembelajaran yang kondusif, membantu pelajar dalam strategi pembelajaran, meningkatkan tahap kualiti kendiri dan seterusnya mampu meningkatkan prestasi pencapaian akademik sekolah. Ini adalah kerana, budaya sesebuah sekolah mempunyai pengaruh yang kuat kepada warga sekolah (Marcoulides, Heck, & Papanastasion, 2005; Azizi & Nurfaizah, 2011). Walaubagaimanapun, pengaruh budaya yang negatif boleh memberi kesan kepada seluruh anggota sekolah. Terdapat pelbagai kajian mengenai budaya sekolah di seluruh Malaysia. Menurut Rusni Mohd Noor (2005) dalam kajiannya di Negeri Sembilan, faktor lokasi tidak menjadi faktor utama dalam membina budaya di sekolah yang boleh meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Dengan keperluan inilah, kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti adalah budaya akademik guru besar mempunyai hubungan dengan kualiti guru di sekolah.

Walaupun terdapat banyak kajian mengenai budaya sekolah dan kualiti guru telah dijalankan di Malaysia, namun kajian mengenai budaya optimis guru besar dengan kualiti guru masih kurang dijalankan. Hasil kajian ini akan dapat melihat tahap budaya optimis akademik guru besar dan kualiti guru di sekolah rendah di daerah Kuala Langat. Selain itu, dapatan kajian ini dapat mengenalpasti hubungan budaya optimis akademik guru besar dengan tahap kualiti guru sekolah rendah di daerah Kuala Langat. Diharapkan kajian ini dapat memberi gambaran kepada pihak terlibat seperti Kementerian Pendidikan Malaysia dan para pentadbir sekolah menilai budaya optimis akademik mampu meningkatkan kualiti guru di Malaysia.

## TINJAUAN LITERATUR

### Budaya Optimis Akademik

Optimis merupakan keyakinan yang dimiliki seseorang (Nasa 2012). Ianya menyerupakan sesuatu yang baik akan terjadi pada masa akan datang (Smith 2015). Ianya akan menyebabkan seseorang mempunyai harapan bahawa dengan kerja bersungguh-sungguh maka keinginan akan tercapai (Rokhim, 2013). Optimis juga merupakan kekuatan psikologi seseorang dalam mencapai masa depannya (Kusumadewi, 2011). Individu yang optimis biasanya mempunyai pemikiran yang positif, berani mengambil risiko, yakin membuat keputusan dan kepercayaan diri yang mantap, Vaughan (dalam Safaria, 2007).

Menurut Siti Hatifah, Dzikri Nirwana (2014), optimis adalah orang yang selalu berharap atau berpandangan positif dalam menghadapi segala situasi, faham dan yakin atas segala yang baik serta menyenangkan. Mengharapkan kebaikan dalam semua keadaan bahkan menaruh kepercayaan dan redha kepada Allah dalam setiap amalan.

Hoy, Tarter & Hoy (2006), menghubungkan optimis akademik dengan prestasi akademik yang memasukkan elemen kognitif, afektif dan behavioris. Dijelaskan dalam tiga dimensi iaitu *emphasis*, *collective efficacy trust in parents and student*. Konstrak optimis akademik yang disusun oleh Hoy, Tarter & Hoy (2006) ini berdasarkan pada tiga pendekatan teori iaitu dari Coleman (1988) tentang teori modal sosial (*social capital*), optimis dari Seligman dan teori efikasi dari Bandura. Konstrak ini disusun untuk menguji teori dari Coleman tentang *Social Capital*. Coleman (1988) menjelaskan bahawa model sosial (*social capital*) dijelaskan dengan fungsinya. Namun, Hoy et.al (2006) menyatakan bahawa optimis akademik dapat mempengaruhi prestasi sesebuah sekolah. Seligman (2003), optimis bukan sahaja bersifat individu tetapi juga boleh dibangunkan dalam kelompok atau sistem.

Secara rumusnya, budaya optimis akademik merupakan faktor penting dalam mempengaruhi prestasi di sekolah yang perlu diberi perhatian. Budaya optimis akademik perlu ada pada setiap pentadbir sekolah supaya guru dapat menterjemahkan matlamat sekolah dengan lebih berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Farah Alia (2016), mendapati optimis akademik yang ada dalam diri guru dapat menyumbang kepada kecemerlangan pelajar dan sekolah. Nor Alina Saidah (2016), terdapat hubungan yang signifikan antara optimis dengan kualiti. Pekerja yang bersikap optimis akan menghasilkan kualiti kerja yang tinggi.

### Kualiti Guru

Menurut Khalid Johari (2012), menyatakan bahawa kualiti adalah berdasarkan pengalaman mengajar seseorang guru. Mohd Yusri Ibrahim (2012) pula, dalam kajiannya di Terengganu mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan tahap kualiti guru mengikut faktor jantina dalam bidang pengajaran. Hallinger (2010) menyatakan bahawa perlunya menambah baik kualiti guru secara menyeluruh dalam melahirkan guru yang berkualiti. Hargreaves (2011), menyatakan bahawa pembelajaran dan pembangunan guru perlu ditingkatkan bagi melahirkan tenaga pengajar berkemahiran dan berpengetahuan seterusnya mendorong peningkatan sekolah. Guru muhu diberi peluang membuat pemerhatian ke atas amalan pengajaran guru lain dan menggunakan hasil pembelajaran dari pemerhatian tersebut untuk membuat refleksi dan menambah baik amalan pengajaran mereka.


Harris (2011), berpendapat bahawa untuk menambahbaik sistem pendidikan yang sedia ada, ahli akademik perlu meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di kelas. Disokong dengan kajian oleh Henze, Van Driel dan Verloop (2009), di mana pembelajaran guru yang berpengalaman mampu membawa inovasi pendidikan dengan kaedah belajar secara individu dan bekerjasama dengan guru lain,

bertukar-tukar cerita, bantuan peralatan, idea dan amalan baik yang diadaptasi dari orang yang lebih berpengalaman.

Justeru, kemampuan guru-guru untuk mengaplikasikan pengetahuan dan mengimplementasikan penambahbaikan dalam pengajaran dan pembelajaran adalah sangat penting di sekolah. Manakala Jamaliah Abdul Hamid (2008) menyatakan bahawa tahap pengetahuan individu guru dapat ditingkatkan melalui aktiviti membaca, membuat refleksi kendiri, mencatat dan menyimpan maklumat penting serta berbincang bersama-sama rakan akan meningkatkan kualiti kerja guru.

## KERANGKA KONSEP

Kerangka konsep kajian ini berdasarkan objektif kajian dan persoalan kajian yang ditentukan sebelum ini. Kerangka konsep perlu mempunyai pembolehubah kajian, hubungan antara pembolehubah yang dikaji disertakan teori. Kerangka konsep ini perlu dijelaskan dalam bentuk diagram (Iskandar, 2008). Kerangka konseptual yang dicadangkan bagi kajian ini ialah seperti rajah dibawah:



Rajah 1: Kerangka Konseptual

Rajah 1 menunjukkan kerangka konseptual kajian yang terdiri daripada dua aspek iaitu pembolehubah tidak bersandar dan pembolehubah bersandar. Pembolehubah tidak bersandar bagi kajian ini adalah budaya akademik guru besar sekolah rendah di daerah Kuala Langat yang mengandungi tiga dimensi iaitu penekanan akademik, keberkesanannya kolektif, dan kepercayaan ibubapa kepada sekolah. Manakala pembolehubah bersandar ialah kualiti guru. Dalam kualiti guru, pengkaji mengkaji dua aspek iaitu kepuasan kerjaya guru dan amalan profesional guru. Dalam kerangka konseptual ini, pengkaji cuba menjelaskan tujuan kajian ini dijalankan iaitu untuk melihat hubungan budaya optimis akademik guru besar dan kualiti guru sekolah rendah di daerah Kuala Langat, Selangor.

## METODOLOGI KAJIAN

### Sampel Kajian

Reka bentuk kajian ini ialah kajian kuantitatif jenis tinjauan yang dijalankan di sekolah kebangsaan daerah Kuala Langat, Selangor. Sekolah yang terlibat ialah Sekolah Kebangsaan Jenjarom, Sekolah Kebangsaan Kebun Bahru, Sekolah Kebangsaan Kanchong Darat, Sekolah Kebangsaan Permatang Pasir, Sekolah Kebangsaan Sungai Kelambu, Sekolah Kebangsaan Jugra, Sekolah Kebangsaan Bandar, Sekolah Kebangsaan Sri Langat, Sekolah Kebangsaan Olak Lempit, Sekolah Kebangsaan Sungai Lang, Sekolah Kebangsaan Morib dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Chong Hwa. Kajian dilakukan di sekolah yang terlibat bertujuan untuk mengenalpasti tahap pengaruh budaya optimis akademik guru besar terhadap

kualiti guru sekolah rendah daerah Kuala Langat. Sampel kajian ialah seramai 50 orang guru yang mengajar di sekolah terlibat daripada pelbagai bidang pengkhususan.

### Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan satu set soalan soal selidik yang mempunyai tiga bahagian iaitu bahagian A, B, dan C. Bahagian A mengandungi maklumat demografi guru seperti jantina, jenis sekolah, ikhtisas dalam pendidikan, kelulusan akademik, gred jawatan, pengalaman mengajar, band sekolah, dan lokasi sekolah. Bahagian B ialah maklumat tentang budaya optimis yang dibahagikan kepada tiga aspek iaitu penekanan akademik oleh guru besar, kepercayaan ibu bapa dan keberkesanannya kolektif. Bahagian C pula mempunyai maklumat berkenaan kualiti guru yang dibahagikan kepada dua aspek iaitu kepuasan kerjaya dan amalan profesional. Soal selidik menggunakan skala Likert dari 1 (Sangat Tidak Setuju), 2 (Tidak Setuju), 3 (Setuju), 4 (Sangat setuju) sebagai petunjuk kepada persepsi setiap responden. Data dianalisis menggunakan *Statistical Package for The Social Science* (SPSS) versi 22. Kaedah statistik yang digunakan ialah statistik deskriptif.

## DAPATAN KAJIAN

### Dapatan Kajian berdasarkan Persoalan Kajian

Jadual 1 : Interpretasi skor min.

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 - 1.89	Sangat Rendah
1.90 – 2.69	Rendah
2.70 – 3.49	Sederhana
3.50 - 4.29	Tinggi
4.30 - 5.00	Sangat Tinggi

Sumber: Izani & Yahya (2014).

Jadual 2 : Skor Julat bagi kekuatan hubungan

Nilai hubungan, r	Interpretasi Skor
0.00	Tiada hubungan
< 0.19	Sangat lemah
0.20- 0.39	Lemah
0.40- 0.69	Sederhana
0.70-0.89	Tinggi
>0.90	Sangat tinggi

Sumber: Noornajihah Jaafar (2013)

Bagi tujuan soalan i dan ii, interpretasi skor min ditentukan merujuk kepada Jadual 1. Manakala untuk menjawab soalan iii, tahap kekuatan hubungan antara pembolehubah terlibat ditentukan merujuk kepada Cohen (1988); Guilford & Frunchter (1978) berdasarkan skala yang ditunjukkan dalam Jadual 2. Menurut Frederick dan Larry (2012), nilai  $r \geq 0$  menunjukkan hubungan positif manakala nilai  $r \leq 0$  pula menunjukkan hubungan negatif.

***S1: Apakah tahap amalan budaya optimis akademik guru besar di sekolah kebangsaan daerah Kuala Langat?***

Jadual 3 menunjukkan tahap amalan budaya optimis akademik di kalangan guru besar di daerah Kuala Langat. Secara keseluruhan menunjukkan guru besar sememangnya mengamalkan amalan budaya optimis akademik di sekolah masing-masing dan berada pada tahap yang sederhana, ( $\text{min} = 3.34$ ) dan sisihan piawai  $0.575$ . Skor min tertinggi adalah pada item 2 dan item 3 iaitu “Guru besar memahami matlamat kurikulum sekolah” dan “Guru besar memberi penekanan terhadap pencapaian pelajar”. Manakala nilai min terendah adalah pada item 5 “Ibu bapa membantu meningkatkan pencapaian pelajar”.

Selain itu, hasil kajian menunjukkan para guru besar sememangnya mengamalkan amalan budaya optimis di sekolah kerana guru besar memainkan peranan dengan mengadakan latihan dalam perkhidmatan kepada guru-guru yang terlibat bagi memupuk amalan budaya optimis akademik di kalangan guru sekolah.

Jadual 3: Tahap amalan budaya optimis akademik guru besar di sekolah rendah di daerah Kuala Langat

<b>Tahap amalan budaya optimis akademik</b>		<b>N</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>
<i>Penekanan Akademik</i>				
1	Guru besar memantau proses pengajaran dan pembelajaran	50	3.34	0.593
2	Guru besar memahami matlamat kurikulum sekolah	50	3.66	0.557
3	Guru besar memberi penekanan terhadap pencapaian pelajar	50	3.68	0.513
<i>Kepercayaan ibu bapa</i>				
4	Ibu bapa melibatkan diri dalam aktiviti sekolah	50	2.86	0.572
5	Ibu bapa membantu meningkatkan pencapaian pelajar	50	2.82	0.629
<i>Keberkesan Kolektif</i>				
6	Guru besar mempunyai hubungan baik dengan ibu bapa	50	3.32	0.551
7	Guru besar mengadakan latihan dalam perkhidmatan kepada guru	50	3.52	0.554
8	Guru besar menjaga kebijakan guru	50	3.42	0.609
9	Guru besar memberi pengiktirafan kepada guru		3.44	0.611
<b>Tahap amalan budaya optimis akademik</b>		<b>50</b>	<b>3.34</b>	<b>0.575</b>

**S2: Apakah tahap kualiti guru di sekolah rendah di daerah Kuala Langat?**

Jadual 4 menunjukkan bahawa min skor item pembolehubah kualiti guru sekolah rendah di Kuala Langat bagi semua item ialah 3.22 dengan sisihan piawai 0.586. Oleh itu, dapat disimpulkan, kualiti guru berada di tahap yang sederhana. Melalui analisis terperinci yang ditunjukkan dalam jadual 7, menunjukkan nilai min tertinggi ialah pada item 4 “Saya bangga menjadi seorang guru” pada nilai 3.64. Sebaliknya, skor min terendah adalah pada item 5 “Saya terlibat dalam proses membuat keputusan di sekolah” pada nilai 2.92.

Hasil kajian menunjukkan sekolah rendah di daerah Kuala Langat mempunyai guru yang berkualiti. Ini kerana nilai min kesemua data menunjukkan nilai di atas 3.00 pada skala likert yang bermaksud responden bersetuju menyatakan para guru sememangnya berkualiti kerana para guru sangat aktif mengambil bahagian dalam pembelajaran profesionalisme secara kolaboratif. Walaupun pada item 5 menunjukkan nilai skor min yang terendah antara kesemua item, tetapi para responden tetap berbangga menjadi seorang guru. Oleh itu, keinginan untuk menjadi guru berkualiti akan meningkat dengan menghadiri persidangan secara berpasukan supaya dapat meningkatkan amalan profesional diri masing-masing.

Jadual 4: Tahap kualiti guru sekolah rendah di daerah Kuala Langat

Tahap kualiti guru	N	Min	Sisihan Piawai
<i>Kepuasan Kerjaya</i>			
1 Saya seronok bekerja di sekolah ini	50	3.30	0.647
2 Saya berpuas hati dengan pencapaian saya di sekolah ini	50	3.16	0.584
3 Saya berpuas hati dengan pekerjaan saya	50	3.42	0.609
4 Saya bangga menjadi seorang guru	50	3.64	0.598
5 Saya terlibat dalam proses membuat keputusan di Sekolah	50	2.92	0.778
<i>Amalan Profesional</i>			
6 Saya mengambil bahagian dalam pembelajaran profesionalisme secara kolaboratif	50	3.22	0.418
7 Saya melibatkan diri dengan perbincangan berkaitan perkembangan pembelajaran murid tertentu	50	3.22	0.507
8 Saya bertukar bahan mengajar dengan rakan sekerja	50	3.16	0.510
9 Saya menghadiri persidangan secara berpasukan	50	2.98	0.622
<b>Tahap kualiti guru</b>	<b>50</b>	<b>3.22</b>	<b>0.586</b>

**S3: Adakah terdapat hubungan antara budaya optimis akademik guru besar dengan tahap kualiti guru di sekolah rendah daerah Kuala Langat?**

Jadual 5 menunjukkan terdapat hubungan linear positif yang kuat antara budaya optimis akademik guru besar dan kualiti guru sekolah rendah di daerah Kuala Langat,  $r=0.728, p<0.05$ . Berdasarkan kiraan

pekali korelasi pearson, secara keseluruhan, amalan budaya optimis akademik guru besar dan kualiti guru sekolah rendah di Kuala Langat mempunyai hubungan yang tinggi.

Hasil kajian menunjukkan sekolah rendah di daerah Kuala Langat mempunyai guru besar yang mengamalkan amalan budaya optimis akademik. Sekolah kebangsaan di daerah Kuala Langat berkualiti kerana mempunyai amalan kolektif dan amalan profesional yang mampu meningkatkan pencapaian pelajar di sekolah. Oleh itu, boleh disimpulkan bahawa terdapat hubungan antara amalan budaya optimis akademik guru besar dengan kualiti guru di sekolah rendah daerah Kuala Langat.

Jadual 5: Tahap hubungan budaya optimis akademik guru besar dan kualiti guru sekolah rendah di daerah Kuala Langat

		N	Sig (2-tailed)	Correlatio n Coeffient
1	Budaya optimis akademik guru besar	50	0.00	0.728
2	Kualiti guru	50	0.00	0.728

## PERBINCANGAN

Secara keseluruhan dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan antara amalan budaya optimis akademik guru besar dengan tahap kualiti guru di sekolah rendah daerah Kuala Langat. Kajian menunjukkan para guru besar memang mengamalkan amalan budaya optimis di sekolah kerana mereka memainkan peranan dengan mengadakan latihan dalam perkhidmatan untuk guru-guru yang terlibat. Ini adalah bagi memupuk amalan budaya optimis akademik di kalangan guru. Hasil kajian mendapat budaya optimis akademik guru besar dan kualiti guru di sekolah rendah di daerah Kuala Langat mempunyai hubungan yang kuat.

### ***S1: Apakah tahap amalan budaya optimis akademik guru besar di sekolah rendah daerah Kuala Langat?***

Hasil kajian menggambarkan bahawa guru besar di daerah Kuala Langat ada mengamalkan amalan budaya optimis di sekolah. Secara keseluruhannya pentadbir sekolah sememangnya mengamalkan amalan budaya optimis akademik di sekolah masing-masing dan pada tahap sederhana. Dapatkan kajian mendapat petadbir sekolah sememangnya mengamalkan amalan budaya optimis di sekolah. Ini kerana guru besar memainkan peranan dengan mengadakan latihan dalam perkhidmatan untuk guru-guru. Dapatkan tersebut hampir menyamai sorotan kajian Juita Sanawi (2003) yang menunjukkan guru berusaha meningkatkan ilmu dan kerap mengikuti aktiviti perkembangan staf. Berbeza dengan dapatan kajian Supian Hashim dan Khadijad Daud (2014) melihat bahawa kepimpinan lestari sederhana kerap diamalkan oleh guru besar di daerah Segamat. Guru besar berpandangan melalui pembelajaran yang berterusan ia akan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan guru supaya menjadi lebih pakar dalam bidang masing-masing.

### ***S2: Apakah tahap kualiti guru di sekolah rendah di sekolah rendah daerah Kuala Langat?***

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa tahap kualiti guru di sekolah rendah daerah Kuala Langat adalah sederhana. Tahap kualiti guru yang sederhana perlu ditangani segera kerana ia boleh memberi

kesan ke atas hasil pengajaran guru. Dapatan ini berbeza dengan kajian yang dijalankan oleh Nurahimah Mohd Yusof dan Rafisah Osman (2010) yang mendapati bahawa tahap kualiti guru di daerah Bachok adalah tinggi. Kenyataan ini disokong oleh kajian Khalid Johari (2009) ke atas 1502 orang responden di Sabah juga menunjukkan bahawa kualiti guru adalah tinggi. Tahap kualiti guru yang tinggi menggambarkan bahawa mereka mempunyai keyakinan terhadap keupayaan diri dalam usaha menyampaikan pengajaran dan meningkatkan pencapaian pelajarnya.

Walau bagaimanapun hasil kajian menunjukkan sekolah rendah di daerah Kuala Langat mempunyai guru yang berkualiti berdasarkan data yang diperolehi. Nilai di atas 3.00 pada skala likert yang bermaksud responden bersetuju menyatakan para guru sememangnya berkualiti kerana mereka sangat aktif dalam mengambil bahagian dalam pembelajaran profesionalisme secara kolaboratif. Guru-guru sememangnya perlu melibatkan diri secara aktif dalam melaksanakan pengajaran secara profesional. Hasil kajian ini selari dengan dapatan daripada Janary Lumbai dan Shukri Zain (2016) bahawa kualiti dalam membuat keputusan, kualiti pengajaran dan pembelajaran, kualiti dalam interpesonal dan kerjasama serta kualiti terhadap budaya sekolah memainkan peranan dalam melahirkan guru yang berkualiti tinggi.

### ***S3: Adakah terdapat hubungan antara budaya optimis akademik guru besar dengan tahap kualiti guru di sekolah rendah Kuala Langat?***

Secara keseluruhan, terdapat hubungan linear positif yang kuat antara budaya optimis akademik guru besar dan kualiti guru di sekolah rendah daerah Kuala Langat. Dapatan ini disokong oleh kajian Nur Alina Saidah (2016) mendapati bahawa semakin tinggi optimis yang dimiliki semakin tinggilah produktivitinya. Individu yang berjiwa optimis akan menjadi lebih kualiti dibandingkan dengan pesimis (Seligman, 2006).

Berbeza dengan dapatan kajian Hayeni (2013), yang mendapati bahawa kualiti seseorang dipengaruhi oleh disiplin kerjanya. Budaya optimis akademik sememangnya perlu diamalkan dalam melahirkan dan meningkatkan kualiti guru serta pencapaian pelajar dan sekolah. Berbanding dapatan Janary Lumbai dan Shukri Zain (2016) menyatakan bahawa norma budaya tidak mempunyai pengaruh ke atas perhubungan antara amalan kepimpinan berstruktur dan kualiti guru.

## **IMPLIKASI**

Kajian yang telah dilakukan ini dijangka dapat memberi implikasi terhadap pentadbiran khususnya guru besar dalam membantu mempertingkatkan kualiti guru di sekolah. Peranan guru besar tersangat penting dalam merancang, mengelola, memimpin pentadbiran organisasinya khususnya para guru. Guru besar merupakan penggerak dalam mewujudkan amalan budaya optimis akademik di kalangan guru di sekolah. Maka guru besar perlu mewujudkan pelbagai bentuk kursus dan latihan dalaman bagi meningkatkan kualiti guru-gurunya. Di samping itu, perlu pertingkatkan kemahiran bagi pentadbiran seperti Institut Aminuddin Baki dikenali sebagai National Professional Qualification for Educational Leaders (NPQEL) serta mengadakan pelbagai kursus di institusi latihan. Ini bagi mempertingkatkan kemahiran komunikasi dan pengurusan pentadbiran.

Di peringkat sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) ataupun Kementerian Pendidikan, disaran menyediakan pelbagai program kemahiran terutama yang membabitkan peningkatan kepimpinan guru besar dan pengetua. Ia merupakan satu penanda aras kepada keperluan dan pengurusan sekolah. Kementerian Pendidikan Malaysia telah menganjurkan Kursus Kepimpinan Kepengetuaan di Malaysia yang dikendalikan oleh Institut Aminuddin Baki dikenali sebagai National Professional Qualification for Educational Leaders (NPQEL). Latihan ini dapat meningkatkan kesediaan

guru besar dan pengetua dalam mengamalkan pengurusan yang lebih berkualiti selanjutnya dapat memupuk budaya optimis akademik di kalangan para guru.

## CADANGAN

Memandangkan kajian ini mempunyai batasannya iaitu dikumpul melalui soal selidik bagi sekolah daerah Kuala Langat sahaja, maka dicadangkan beberapa kajian lanjutan dijalankan antaranya:

- Kajian yang dijalankan hanya melibatkan guru besar di sekolah rendah daerah Kuala Langat sahaja, oleh itu kajian lanjut perlu melibatkan pengetua dan guru besar seluruh daerah Kuala Langat ataupun melibatkan seluruh Selangor. Dengan penglibatan yang lebih luas maka dapatan dapat digambarkan secara komprehensif.
- Kajian hanya melibatkan 12 buah sekolah dan 50 orang guru pelbagai pengkhususan sahaja. Justeru itu, kajian secara menyeluruh perlu dijalankan di lokasi yang lebih meluas dan melibatkan respondan yang lebih ramai sekitar bandar dan luar bandar agar hasil dapatan dapat digeneralisasikan. Ini kerana sampel yang lebih besar menunjukkan kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi.
- Disarankan agar kaedah kualitatif dapat digunakan bagi mendalami lagi hasil dapatan kajian. Dengan menggunakan kaedah kualitatif hasil kajian diperolehi lebih mendalam dan dapat digunakan sebagai pembentukan dasar dalam kerajaan khususnya dalam kepimpinan kepengeretuan dan guru besar.

Kajian menunjukkan secara keseluruhannya guru besar sememangnya mengamalkan amalan budaya optimis akademik di sekolah masing-masing. Kajian ini menunjukkan hubungan amalan budaya optimis dan kualiti guru di sekolah rendah di daerah Kuala Langat sangat kuat. Manakala guru yang mengamalkan amalan budaya optimis akademik merupakan guru berkualiti. Namun bagi menjamin keberkesanan kepimpinan, guru besar harus menggembungkan idea dan tenaga agar matlamat yang ditetapkan dapat dicapai dengan jayanya. Guru besar harus mempunyai perancangan strategik bagi menentukan hala tuju yang demi melahirkan guru berkualiti dan sekolah cemerlang.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti tahap budaya optimis akademik guru besar di sekolah rendah daerah Kuala Langat. Secara tidak langsung, ia bertujuan melihat hubungan budaya optimis akademik terhadap kualiti guru besar di daerah Kuala Langat. Hasil kajian menunjukkan sekolah rendah di daerah Kuala Langat mempunyai guru yang mengamalkan amalan budaya optimis akademik dan merupakan guru yang berkualiti kerana mempunyai amalan kolektif dan amalan profesional serta mampu meningkatkan pencapaian pelajar di sekolah. Oleh itu disimpulkan bahawa terdapat hubungan yang sangat kuat antara budaya optimis akademik guru besar dengan kualiti guru di sekolah rendah daerah Kuala Langat. Walau bagaimanapun, guru besar perlu mempunyai perancangan yang dinamik dan wawasan strategik untuk menentukan hala tuju yang jelas dan difahami oleh seluruh organisasi sekolah. Guru besar juga perlu berperanan dengan mengadakan latihan dalam perkhidmatan kepada guru terlibat bagi memupuk amalan budaya optimis akademik dalam kalangan guru.

## RUJUKAN

- Cohen J. 1998. *Statistical power analysis for the behavioral sciences*. New York, NY: Routledge Academic.
- Chang, Y., & Park, S. W. (2014). Exploring Students Perspectives of College STEM: An Analysis of Course Rating Websites, 26 (1), 90-101.
- Frederick, J.G. & Larry, B.W. (2012). Statistics for the Behavior Sciences. Ed. Ke- 9. Canada: Wadsworth CANGAGE Learning.
- Hallinger, P. (2010). Making education reform happen: Is there an ‘Asian’ way? School Leadership and Management, 30 (5),401-419.
- Harris, A. (2011). System improvement through collective capacity building. *Journal of Educational Administration*, 49(6), 624-636.
- Hargreaves, D. H. (2011). System redesign for capacity building. *Journal of Educational Administration*, 49(6), 685-700.
- Hayeni, T. (2013). Hubungan antara disiplin kerja dengan produktivitas kerja karyawan. Skripsi tidak diterbitkan. Malang: Universitas Muhammadiyah Malang.
- Henze, I., Van Driel, J. H., & Verloop, N. (2009). Experienced science teachers' learning in the context of educational innovation. *Journal of Teacher Education*, 60(2), 184-199.
- Hoy W.K., Tarter C.J. & Woolfolk Hoy, A. (2006). Academic optimism of schools: A force for student achievement. *American Educational Research Journal*, 43(15), 425-446.
- Teachers' Academic Optimism: Confirming a New Construct. Diakses pada Mei 2, 2018, daripada [https://www.researchgate.net/publication/262055249\\_Teachers%27\\_Academic\\_Optimism\\_Confirming\\_a\\_New\\_Construct](https://www.researchgate.net/publication/262055249_Teachers%27_Academic_Optimism_Confirming_a_New_Construct).
- Hoy, W.K. Tarter, C. John & Hoy, Anita W. (2006). Academic optimism of school: A force for student achievement. *American Educational Research Journal*, 43(3), 425-446.
- Jamaliah Abdul Hamid. (2008). Knowledge strategies of school administrators and teachers. *International Journal of Educational Management*, 22(3), 259-268.
- Janary Anak Lumbai. (2016). Pengaruh amalan kepimpinan berstruktur, efikasi guru dan norma-norma budaya terhadap keprihatian tugas guru sekolah kebangsaan di Sarawak. Thesis. Unversiti Malaysia Sabah.
- Jemaah Nazir Sekolah. 2001. Standard Kualiti Pendidikan Malaysia. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Juita Sanawi (2003). Sekolah Sebagai Organisasi Pembelajaran: Satu Tinjauan di sekolah-sekolah Menengah bahagian Kuching, Samarahan, Sarawak. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2012). KPM, Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025, Sept 2012.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2016). Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan, 1-55.
- Khalid Johari, Zurida Ismail, Shuki Osman & Ahmad Tajuddin Othman (2009). Pengaruh jenis latihan guru dan pengalaman mengajar terhadap efikasi guru sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34,3-14.

- Kusumadewi, M. D. (2011). Peran stresor harian, optimisme dan regulasi diri terhadap kualitas hidup individu dengan diabetes melitus tipe 2. *Psikologiislamaika*, 8(1), 43-61.
- McIntyre, K. E. M. (2014). *The Journal of Social Media in Society*, 3(2), 5-25.
- Mehmet Gurol & Seda Kerimgil. (2010). Academic optimism. *Procedia Social and Behavioral Sciences* 9, 929-932.
- Marcoulides, G. A., Heck, R. H., Papanastasiou, C. (2005). Student perceptions of school culture and achievement: testing the invariance of a model. *International Journal of Educational Management*, 19 (2): 140-152.
- Mohd Yusri Ibrahim (2012). Model Kepimpinan Pengajaran Pengetua, Efikasi dan Kompetensi Pengajaran. Terengganu, Univeriti Malaysia Terengganu.
- Nasa, A. F. (2012). Hubungan antara resiliensi keluarga dan optimisme pada mahasiswa yang berasal dari keluarga miskin. Universitas Indonesia
- Noornajihah Jaafar & Ab. Halim Tamuri (2013). Hubungan antara efikasi kendidi dengan kualiti guru pendidikan islam sekolah menengah kebangsaan Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 5(1). 41-60
- Nor Alina Saidah (2016). Hubungan optimism dengan produktivitas kerja pada karyawan tata usaha. Kertas Kerja. Fakulti Psikologi, Universitas Muhammadiyah Malang; 1-36.
- Nurahimah Mohd Yusoff & Rafisah Osman (2010). Hubungan kualiti penyeliaan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah dengan efikasi guru. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 25, 53-71.
- Rokhim, A. R. (2013). Hubungan antara motivasi belajar dengan optimisme masa depan pada mahasiswa program Twining di Universitas Muhammadiyah Surakarta. Universitas Muhammadiyah Surakarta.
- Rusni Mohd Noor. (2005). Perkaitan antara budaya sekolah dengan pencapaian akademik pelakar di Negeri Sembilan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rusmini Ku Ahmad (2004). Keberkesanan sekolah. Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan Ke -2. 6 – 9 November.
- Safaria, T. (2007). Optimismtic quotient. Yogyakarta: Pyramid Publisher.
- Seligman, M. (2006). Learned Optimism: How to change your mind and your life. New York. Pocker books.
- Seligman, M. (2011). Flourish. Toronto: Free Press.
- Siti Hatifah & Dzikri Nirwana (2014). Pemahaman Hadis tentang optimism. *Studia Insania*, 2(2), 115-130.
- Smith, L. M. (2015). The relathionship between optimism and markers of psychological health in cologiate atheletes. Universiti North Carolina.
- Supian Hashim & Khadijah Daud (2014). Amalan kepimpinan lestari dan hubungannya dengan prestasi kerja guru sekolah rendah yang menerima tawaran baru di daerah Segamat. 2 (4). Sains Humanika. Universiti Teknologi Malaysia.
- TIMSS (2015). Trends In International Mathematics And Science Study. Teacher Questionnaire. Diakses pada Mei 2, 2018, daripada [https://nces.ed.gov/timss/pdf/2015\\_8th\\_grade\\_Teacher\\_Questionnaire\\_Science.pdf](https://nces.ed.gov/timss/pdf/2015_8th_grade_Teacher_Questionnaire_Science.pdf)